

Jangan jadi seperti Kelantan, Sabah

SRI AMAN, Jumaat — Rakyat Sarawak perlu mengambil iktibar daripada pengalaman rakan mereka di Sabah dan Kelantan yang keralaan negerinya tidak mempunyai hubungan baik dengan Kerajaan Pusat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat Sarawak perlu menjadikan perkara itu sebagai panduan apabila membuat pilihan dalam pilihanraya nanti agar masalah di Sabah dan Kelantan tidak berlaku di negeri ini.

“Jika kita pilih kerajaan yang tidak ada hubungan dengan Kerajaan Pusat, amat sukar sekali untuk dapat pembangunan. Itulah sebabnya kita dapati ada dua negeri yang pilih kerajaan bukan daripada Barisan Nasional (BN) kini menghadapi masalah.

“Yang pasti, sudah tentu kerajaan negeri memerlukan kerjasama daripada Kerajaan Pusat jika ingin pembangunan. Jadi saya harap perkara ini diambil perhatian dan diingati kerana Kerajaan Pusat ingin bekerjasama

dengan kerajaan negeri yang terdiri daripada satu parti,” katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata demikian ketika merasmikan Sekolah Menengah Vokasional Betong, berharga \$13.6 juta, dekat sini hari ini.

Menurutnya, pilihanraya negeri Sarawak adalah untuk memilih kerajaan dan bukan memilih wakil rakyat kerana seorang wakil rakyat saja tidak boleh berbuat apa-apa kecuali dia daripada parti yang membentuk kerajaan.

Perdana Menteri berkata, beliau kagum melihat pembangunan pesat di Sarawak sekarang selain kesanggupan kerajaan negeri mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk membina dewansuara tanpa mengharapkan bantuan Kerajaan Pusat.

“Ini bermakna Kerajaan Sarawak bertanggungjawab membawa pembangunan kepada rakyat, manakala Kerajaan Pusat akan terus memberi bantuan dalam bidang tertentu seperti pendidikan dan perubatan.

“Tetapi tanpa usaha kerajaan negeri sendiri, sukar kita hendak membawa pembangunan negeri ini. Tetapi oleh kerana Kerajaan Sarawak berminat dengan konsep politik pembangunan, maka kita dapat melihat pembangunan di merata tempat,” katanya.

Beliau berkata, rakyat tidak boleh lagi hidup seperti dahulu dan harus mencari jalan menyesuaikan diri supaya tidak ketinggalan dalam arus pembangunan.

Katanya, untuk maju dalam tempoh 30 tahun, rakyat mesti bersedia dari sekarang bagi mengubah cara hidup menjadi satu bangsa moden setanding dengan rakyat negara maju.

“Inilah hasrat kita dan jangan orang lain pandang hina kepada kita...jangan kata, ohh...orang Iban duduk dalam hutan, malah masih ada orang kulit putih kata kita masih duduk atas pokok. Biar dia orang kata...tetapi bila datang ke sini baru dia orang tahu, kita sudah maju,” katanya.